


# IV



**SISTEM PERSEKUTUAN**

**FEDERATION**




4.1

# Latar Belakang Sistem Persekutuan di Negara Kita



## PERSEKUTUAN 1896



Perluasan pengaruh British menyebabkan 4 negeri Melayu iaitu Perak, Selangor, Pahang dan Terengganu disatukan menjadi sebuah Persekutuan berdasarkan Perjanjian Persekutuan 1895. Ia berkuat kuasa pada tahun 1896 dan dikenali sebagai Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB).

### Ciri-ciri

- Tidak mempunyai agihan kuasa dan fungsi khusus antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri.
- Banyak keputusan pentadbiran dibuat oleh Residen Jeneral di Kuala Lumpur sebagai pusat pentadbiran NNMB.



## MAJLIS MESYUARAT PERSEKUTUAN 1927



Majlis ini distruktur semula pada tahun 1927 untuk memperkemas tadbir urus Persekutuan dan mengukuhkan kedudukan British di negeri Melayu.

4.1

# Latar Belakang Sistem Persekutuan di Negara Kita

## KESATUAN MALAYA 1946 (MALAYAN UNION)



British berusaha untuk menyatukan pentadbiran semua negeri Melayu serta Pulau Pinang dan Melaka untuk membentuk sebuah kerajaan berbentuk kesatuan yang dinamakan Kesatuan Malaya 1946 atau Malayan Union.

### Ciri-ciri

- Konsep kesatuan membayangkan pembentukan sebuah kerajaan pusat yang kuat di bawah kuasa Gabenor British.
- Dilaksanakan dalam tempoh masa yang terhad dan gagal diteruskan setelah mendapat bantahan daripada Raja-raja Melayu dan orang Melayu.

## PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1948



Gabungan sembilan buah negeri Melayu dan dua buah Negeri-negeri Selat melalui Perjanjian PTM 1948.

### Ciri-ciri

- Ada penetapan kuasa Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.
- Ada pengagihan kuasa. Pesuruhjaya Tinggi British dilantik sebagai ketua Persekutuan. Raja-raja Melayu memerintah negeri mengikut perlembagaan negeri masing-masing.

4.1

# Latar Belakang Sistem Persekutuan di Negara Kita

## PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1957

Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka muncul pada 31 Ogos 1957.




### Ciri-ciri

- Berasaskan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957.
- Mempunyai Kerajaan Persekutuan yang kuat bagi melicinkan pentadbiran negara yang berdaulat.
- Jawatan Yang di-Pertuan Agong diwujudkan sebagai Ketua Persekutuan.
- Konsep Persekutuan diperkukuh dengan sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen melalui peruntukan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957.

## PERSEKUTUAN MALAYSIA 1963

Sebuah Persekutuan lahir pada 16 September 1963 berdasarkan Perjanjian Malaysia.



### Ciri-ciri

- Terdiri daripada 11 buah negeri Tanah Melayu, Singapura dan dua buah negeri Borneo, iaitu Sarawak dan Sabah.
- Ia dinamakan Malaysia.

## 4.2

# Kuasa Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri

## Pembahagian Kuasa

- Kuasa yang khusus antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri diperuntukkan.
- Ia meliputi kuasa perundangan dan kuasa pemerintahan.
- Tujuan pembahagian kuasa :
  - Melicinkan perjalanan sistem Persekutuan
  - Mengelakkan permasalahan antara kedua-dua peringkat kerajaan.
- Peruntukan kuasa lebih besar diberikan pada peringkat Persekutuan adalah untuk mewujudkan Kerajaan Persekutuan yang kuat bagi menjamin kestabilan dan kemajuan negara.
- Tiada peruntukan kuasa khusus kepada Kerajaan Tempatan, sebaliknya Kerajaan Tempatan diletakkan di bawah kuasa Kerajaan Negeri.

### Kuasa Kerajaan Persekutuan

- Institusi yang mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang bagi seluruh Malaysia ialah Parlimen.
- Kuasa pemerintahan Kerajaan Persekutuan meliputi perkara yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan sebagai Senarai Persekutuan.
- Senarai Persekutuan menjejaskan kuasa Kerajaan Persekutuan yang luas meliputi skop kepentingan nasional dan merangkumi semua aspek perkhidmatan berhubung dengan pentadbiran negara.
- Senarai Persekutuan :
  - Hal ehwal luar negeri
  - Pertahanan
  - Keselamatan dalam negeri
  - Pentadbiran keadilan
  - Kewarganegaraan
  - Kewangan
  - Perhubungan dan pengangkutan
  - Pelajaran
  - Perubatan dan kesihatan

### Kuasa Kerajaan Negeri

- Setiap negeri di Malaysia mempunyai Dewan Undangan Negeri(DUN) yang mempunyai kuasa untuk menggubal undang-undang bagi negerinya.
- Kuasa Pemerintahan Kerajaan Negeri meliputi perkara yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan sebagai Senarai Negeri.
- Senarai Negeri :
  - Undang-undang Islam
  - Tanah
  - Pertanian dan perhutanan
  - Kerajaan tempatan
  - Hari kelepasan negeri

# Kuasa Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri

## SENARAI BERSAMA

Senarai Bersama ialah perkara yang membolehkan Parlimen dan DUN menggubal undang-undang untuk perkara yang sama. Sekiranya ada percanggahan bagi perkara di bawah Senarai Bersama, undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen harus dipatuhi.

- Senarai Bersama :
  - Kebajikan awam
  - Biasiswa
  - Perlindungan haiwan liar dan taman negara
  - Perancangan bandar dan luar bandar
  - Kesihatan awam, kebersihan dan pencanggahan penyakit
  - Kebudayaan dan sukan
  - Perumahan

## PERUNTUKAN TAMBAHAN BAGI SARAWAK DAN SABAH

Kerajaan Negeri Sarawak dan Sabah diberi kuasa tambahan bagi menyesuaikan kemasukan negeri berkenaan ke dalam Persekutuan Malaysia. Di bawah Akta Imigresen 1963, Sarawak dan Sabah diberi kuasa untuk mengekalkan kuasa kawalan, kemasukan dan kediaman di negeri-negeri berkenaan.

- Senarai Negeri :
  - Undang-undang dan adat anak negeri
  - Mahkamah Anak Negeri
  - Kereta api di Sabah
- Senarai Bersama:
  - Undang-undang diri berhubung dengan perkahwinan, perceraian, penjagaan anak, nafkah dan sebagainya berkaitan dengan undang-undang keluarga
  - Penyelidikan pertanian dan perhutanan, pengawalan makhluk perosak dan pencegahan penyakit tumbuhan
  - Pilihan raya bagi Dewan Negeri

## 4.2

# Kuasa Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri



## PERANAN KERAJAAN TEMPATAN

Kerajaan Tempatan merupakan kerajaan peringkat ketiga yang diberi kuasa untuk mentadbir dan melaksanakan tanggungjawab dalam sesebuah kawasan tempatan atau daerah kecil yang diwartakan. Kerajaan Tempatan lebih dikenali sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan berada di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Kerajaan Tempatan merupakan perantara antara Kerajaan Negeri dengan rakyat serta berperanan memberikan perkhidmatan kepada penduduk setempat. Fungsi Kerajaan Tempatan digariskan oleh Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], merangkumi semua jenis Kerajaan Tempatan seperti Majlis Bandaraya, Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah.

Menyediakan perkhidmatan pembersihan

Mengeluarkan lesen dan kawalan penjaja

Membangunkan perumahan awam

Menyediakan kemudahan sukan dan kebudayaan

Menyediakan pasukan bantuan dan penyelamat

Menyediakan perkhidmatan kecemasan

Menyediakan kemudahan awam

Menyenggara jalan raya

Menyenggara sistem saliran

Mengindahkan kawasan

Menjaga kesihatan awam

## 4.3

# Kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri

## KERJASAMA PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI

Bagi menjayakan pembangunan sosioekonomi, Kerajaan Persekutuan menubuhkan agensi yang dapat memberikan bantuan kewangan dan kepakaran kepada Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri pula menyediakan tanah untuk tujuan pembangunan kerana tanah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.

### Pembangunan Tanah



- Pada peringkat awal kemerdekaan, kerjasama sosioekonomi tertumpu pada pembukaan tanah baharu dan pembangunan In-Situ.
- Kerajaan Persekutuan :
  - ✓ Menubuhkan Federal Land Development Authority(FELDA) atau Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan untuk mengurus dan menyalurkan bantuan kewangan kepada Kerajaan Negeri dalam usaha melaksanakan rancangan pembangunan tanah baharu.
  - ✓ Menubuhkan Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority(FELCRA) atau Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan pada tahun 1966 untuk menyatukan, memulihkan dan membangunkan tanah Kerajaan Negeri yang terbiar di seluruh negara.



# Kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri

## KERJASAMA PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI

### Pembangunan Wilayah

- Selepas tahun 1970, kerjasama sosioekonomi diperluas kepada pembangunan wilayah berdasarkan pembangunan kawasan.
- Kerajaan Persekutuan :
  - ✓ Membuka kawasan lebih luas di beberapa buah negeri untuk membangunkan wilayah baharu.

Agensi pembangunan di Sarawak :

- Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak(LKTS)
- Lembaga Penyatuan Pemuliharaan Tanah Sarawak(SALCRA)

Agensi pembangunan di Sabah :

- Lembaga Kemajuan Tanah Sabah(SLDB)

Agensi pembangunan di Semenanjung Malaysia :

- Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah(KEDA)
  - Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan(KESEDAR)
- Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang(PERDA)
- Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah(KETENGAH)
- Lembaga Kemajuan Johor Tenggara(KEJORA)
- Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara(DARA)

### Pembangunan Koridor Wilayah

- Selepas tahun 2005, kerjasama sosioekonomi dilaksanakan melalui Pembangunan Koridor Wilayah berlandaskan projek pembangunan.
- Pembangunan Koridor Wilayah merupakan perancangan strategik jangka panjang yang memberikan tumpuan kepada pembangunan di negeri dan wilayah yang kurang pesat untuk mewujudkan keseimbangan pembangunan negeri dan wilayah.



## 4.3

# Kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri

## KERJASAMA PEMULIHARAAN KHAZANAH NEGARA

Malaysia merupakan negara yang terkenal dengan kekayaan flora dan fauna. Bagi mengekalkan warisan biodiversiti untuk kepentingan generasi kini dan akan datang, kerajaan pada setiap peringkat bekerjasama mewujudkan rangkaian kawasan perlindungan seperti taman negara dan taman laut.

### Pengurusan Taman Negara



- Berdasarkan Perlembagaan Persekutuan, pengurusan hidupan liar dan taman negara merupakan tanggungjawab bersama antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri. Bagi mengukuhkan kerjasama ini, Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972 [Akta 76] diwujudkan pada tahun 1972. Pada tahun 2010, akta ini digantikan dengan Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 yang dikenali sebagai Akta 716.
- Pengurusan taman negara di Sarawak terletak di bawah pengurusan Perbandaran Perhutanan Sarawak.
- Pengurusan taman negara di Sabah terletak di bawah Jabatan Hidupan Liar Sabah.
- Kerajaan Persekutuan :
  - ✓ Mengambil alih pentadbiran semua Jabatan Mergastua Negeri di Semenanjung Malaysia. Jabatan Mergastua kemudiannya dinamakan sebagai Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia.



## 4.3

# Kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri

## KERJASAMA PEMULIHARAAN KHAZANAH NEGARA

### Pengurusan Taman Laut



- Bagi memulihara khazanah laut di negara kita, 42 buah pulau di perairan Kedah, Terengganu, Pahang, Johor, Sabah dan Labuan diwartakan sebagai taman laut sejak tahun 1994.
- Penyelarasan pentadbiran taman laut dibuat melalui Mesyuarat Majlis Penasihat Kebangsaan Taman Laut dan Rizab Laut yang dianggotai oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.
- Jabatan Taman Laut Malaysia ditubuhkan pada tahun 2007 sebagai agensi Kerajaan Persekutuan yang bertanggungjawab secara keseluruhan dalam dasar pengurusan taman laut di Malaysia.
- Pada tahun 2018, pengurusan taman laut dipindahkan ke Jabatan Perikanan Malaysia.
- Kawasan perlindungan marin di perairan Sabah pula di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri melalui agensinya, iaitu Taman-Taman Sabah.
- Kerajaan Negeri :
  - ✓ Berkuasa terhadap pembangunan pulau.
- Kerajaan Persekutuan :
  - ✓ Membentuk dasar berkaitan dengan taman laut.



# Kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri

## KERJASAMA PENYEDIAAN PERUMAHAN RAKYAT

Perumahan terletak di bawah kuasa bersama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Pelbagai strategi dan langkah kerjasama diambil oleh kerajaan untuk memastikan rakyat dapat memiliki rumah sendiri.

### Perumahan Awal Kemerdekaan



- Pada awal kemerdekaan, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bekerjasama menyediakan perumahan kos rendah terutamanya di kawasan bandar.
- Kerajaan Negeri :
  - ✓ Menyediakan tanah yang dijual pada harga rendah kepada Kerajaan Persekutuan untuk membina rumah.
- Kerajaan Persekutuan :
  - ✓ Menubuhkan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan pada tahun 1964 untuk menggiatkan usaha menyediakan perumahan kos rendah.

### Perumahan untuk Mengatasi Masalah Kemiskinan

- Selepas tahun 1970, Kerajaan Persekutuan bekerjasama dengan Kerajaan Negeri bagi membina rumah untuk rakyat berpendapatan rendah. Kerajaan mengenal pasti penyediaan perumahan bukan sahaja untuk menyelesaikan masalah kekurangan rumah tetapi juga sebagai langkah menghapuskan kemiskinan.
- Kerajaan Negeri :
  - ✓ Menubuhkan agensi pembangunan negeri seperti Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor(PKNS) dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perak untuk membina rumah bagi rakyat berpendapatan rendah.
  - ✓ Memperkenalkan program Perumahan Awam Kos Reendah(PAKR) melalui peruntukan kewangan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan.
- Kerajaan Persekutuan :
  - ✓ Melaksanakan Program Perumahan Rakyat(PPR) pada tahun 1997 untuk membina perumahan awam di seluruh negara.

# 4.3

## Kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri

### KERJASAMA PENYEDIAAN PERUMAHAN RAKYAT

Perumahan terletak di bawah kuasa bersama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Pelbagai strategi dan langkah kerjasama diambil oleh kerajaan untuk memastikan rakyat dapat memiliki rumah sendiri.

#### Perumahan Mampu Milik



- Pada tahun 2014, Majlis Perumahan Negara ditubuhkan untuk merangka strategi menyediakan perumahan mampu milik.
- Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri menubuhkan pelbagai agensi serta memperkenalkan program khusus untuk membolehkan golongan pertengahan memiliki tanah.
- Kerajaan Negeri :
  - ✓ Menjalankan program Rumah Selangorku(Selangor) dan Rumah Mampu Milik Johor(Johor).
- Kerajaan Persekutuan :
  - ✓ Menjalankan program Perbadanan Perumahan 1 Malaysia(PR1MA) dan Rumah Mesra Rakyat di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.



# Kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri

## KERJASAMA PENYEDIAAN PERUMAHAN RAKYAT

Keselamatan dan pertahanan negara adalah di bawah kuasa Kerajaan Persekutuan. Pada umumnya, keselamatan dalam negeri dan ketenteraman awam di bawah tanggungjawab Kementerian Dalam Negeri (KDN) manakala pertahanan negara di bawah Kementerian Pertahanan (KEMENTAH). Kedua-dua aspek tersebut diselaraskan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). Namun begitu, Kerajaan Persekutuan mengadakan kerjasama erat dengan Kerajaan Negeri untuk memastikan keselamatan rakyat dan kedaulatan negara terpelihara seperti mewujudkan kawasan keselamatan khas di Sarawak dan Sabah.

### Pemerintahan Keselamatan Daerah Rajang di Sarawak



- Berikutan dengan ancaman komunis yang semakin meningkat di Sarawak, Tun Abdul Razak Hussein, Perdana Menteri Malaysia kedua yang juga merupakan Pengerusi Majlis Keselamatan Negara mengisytiharkan Bahagian Ketiga Sarawak sebagai Rajang Area Security Command (RASCOM) atau Pemerintahan Keselamatan Kawasan Rajang pada 26 Mac 1972.
- Ketua Menteri Sarawak dilantik sebagai Pengarah Operasi Negeri dalam RASCOM. Beliau bertanggungjawab menyelaraskan fungsi dan aktiviti pasukan keselamatan dengan pejabat awam dalam kawasan RASCOM.
- Kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri melalui RASCOM merupakan strategi yang berjaya memulihkan serta mengekalkan keselamatan dan keamanan di bahagian tengah Sarawak. Pada tahun 1995, RASCOM dibubarkan dan semua operasi keselamatan di Sarawak diselaraskan di bawah MKN.



## 4.3

# Kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri

## KERJASAMA PEMULIHARAAN KHAZANAH NEGARA

### Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah



- Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri menubuhkan Eastern Sabah Security Command (ESSCOM) atau Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah ekoran pencerobohan pengganas dari Kepulauan Sulu di Kampung Tanduo, Lahad Datu, Sabah pada 12 Februari 2013.
- Misi ESSCOM untuk meningkatkan keselamatan Kawasan Timur Sabah daripada sebarang ancaman melalui kerjasama strategik antara agensi kerajaan.
- ESSCOM bertanggungjawab mengawasi keselamatan 10 daerah di Pantai Timur Sabah yang dikenali sebagai Eastern Sabah Security Zone (ESSZONE) atau Zon Keselamatan Timur Sabah.
- Kewujudan ESSCOM untuk menambah baik aspek keselamatan membuktikan komitmen kerajaan pada setiap peringkat dalam usaha mengembalikan semula ketenteraman demi kesejahteraan rakyat Sabah.





4.4

# Faktor yang Mengukuhkan Sistem Persekutuan



## Keluhuran Perlembagaan Mengukuhkan Persekutuan

1

Perlembagaan Persekutuan diangkat sebagai undang-undang tertinggi bagi mentakrifkan prinsip Persekutuan dan pentadbiran negara

2

Undang-undang yang digubal oleh Parlimen dan DUN tidak boleh bertentangan dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan

3

Parlimen dan DUN tidak boleh menggubal undang-undang yang bercanggah antara satu sama lain

4

Perlembagaan Persekutuan menjadi rujukan utama apabila berlaku ketidakselarasan antara undang-undang Persekutuan dengan undang-undang Negeri

5

Perkara 75 Perlembagaan Persekutuan menyebutkan bahawa jika mana-mana undang-undang Negeri tidak selaras dengan sesuatu undang-undang Persekutuan, maka undang-undang Persekutuan hendaklah mengatasi undang-undang Negeri



4.4

# Faktor yang Mengukuhkan Sistem Persekutuan

## Penyelarasan Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri

01

### MESYUARAT MENTERI BESAR DAN KETUA MENTERI

Mesyuarat dipengerusikan oleh Perdana Menteri serta dihadiri oleh Menteri Besar dan Ketua Menteri. Mesyuarat membincangkan pelaksanaan sesuatu dasar yang diputuskan oleh kerajaan.

02

### MAJLIS YANG TERMAKTUB DALAM PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

Perlembagaan persekutuan memperuntukan penubuhan Majlis Negara untuk menyeleraskan pentadbiran Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri, iaitu :

*Majlis Kewangan Negara*  
Mentadbir hal ehwal berkaitan dengan kewangan seperti pemberian wang, bayaran cukai dan pinjaman Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri.

*Majlis Tanah Negara*  
Membentuk dasar dan mengawal penggunaan tanah untuk kegiatan pertanian, perlombongan, perhutanan dan sebagainya.

*Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan*  
Perundangan Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan Negeri untuk membangunkan Kerajaan Tempatan.



4.4

## Faktor yang Mengukuhkan Sistem Persekutuan



03

### MAJLIS YANG DITUBUHKAN OLEH KERAJAAN

Perhubungan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri juga dibuat melalui majlis yang ditubuhkan oleh kerajaan seperti yang berikut :

- Majlis Keselamatan Negara
- Majlis Air Negara
- Majlis Perumahan Negara



Sistem Persekutuan yang diamalkan sejak merdeka berjaya mewujudkan kestabilan politik, kemakmuran ekonomi dan kesejahteraan sosial.



Sistem Persekutuan merupakan sistem terbaik untuk mentadbir negara yang terdiri daripada gabungan negeri yang berdaulat.



Usaha kerajaan pada setiap peringkat untuk mewujudkan kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara wajar dihargai.



Kita hendaklah sentiasa menyokong dan melibatkan diri dalam usaha Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bagi memakmurkan negara.



Setiap ahli keluarga daripada semua peringkat mempunyai tanggungjawab dan peranan untuk membina kejayaan institusi keluarga yang boleh menjadi contoh kepada masyarakat sekeliling.



Kepimpinan berwibawa berupaya untuk mewujudkan pemerintahan dan pentadbiran yang adil serta berintegriti untuk kemajuan bangsa dan negara.



# RUMUSAN BAB

Sistem Persekutuan di negara kita terbentuk berdasarkan landasan sejarah tersendiri. Sejak merdeka, prinsip Persekutuan menyumbang kepada kestabilan hubungan antara negeri dan memberikan manfaat kepada kesejahteraan negara.

Pembahagian kuasa pemerintahan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri mewujudkan kerjasama untuk mencapai kemajuan dalam pelbagai bidang. Pembahagian kuasa merupakan pendekatan terbaik untuk menjamin kekuatan, kekuasaan dan kestabilan negara. Rakyat dan pemimpin pada semua peringkat perlu menunaikan tanggungjawab masing-masing untuk memastikan sistem Persekutuan membawa kemakmuran kepada negara.

